

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penglibatan Malaysia dalam usaha sama sektor perkhidmatan kesihatan yang dibangunkan dengan negara-negara lain ketika ini bagi menekan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan *Whole of Government Approach* dalam menangani penularan COVID-19 di mana setiap Kementerian mempunyai peranan masing-masing termasuk hubungan kolaborasi dengan negara-negara asing dan agensi-agensi Pertubuhan Antarabangsa.

2. Bermula daripada pengesahan kes pertama wabak COVID-19 di Malaysia pada 25 Januari 2020, KKM telah memperkuatkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa secara dua hala (*bilateral*), serantau (*regional*) dan pelbagai hala (*multilateral*) dalam sektor perkhidmatan kesihatan bertujuan menekan dan mengawal penularan wabak COVID-19 di negara ini.

SOALAN NO : 5

3. KKM juga telah mengambil langkah agresif untuk berkolaborasi dengan badan-badan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), *United Nations International Children's Fund* (UNICEF) dan *Development 8* (D-8) dalam usaha menekan penularan wabak COVID-19.
4. Antara bentuk kerjasama yang telah dilakukan oleh Malaysia di pelbagai peringkat adalah:
 - 4.1 Sesi perkongsian maklumat secara berterusan berkenaan status terkini COVID-19 di antara Malaysia dan WHO.
 - 4.2 Bagi memastikan penyampaian maklumat berkenaan warga negara asing yang disahkan dijangkiti COVID-19 disampaikan secara berkesan, KKM bersama semua *focal point International Health Regulation* (IHR) 2005 negara-negara ahli WHO, KKM telah menguahkan platform komunikasi secara berterusan bagi memastikan maklumat warga asing yang dijangkiti COVID-19 dan sedang dirawat di maklumkan kepada negara ahli masing-masing dengan kadar segera.
 - 4.3 Kerjasama KKM dalam menangani COVID-19 diperkuuhkan lagi melalui komitmen Malaysia menyertai *Solidarity Trial* di peringkat WHO.
 - 4.4 Kerjasama Malaysia dalam menangani COVID-19 di peringkat antarabangsa diteruskan secara serantau melalui platform ASEAN di mana Malaysia telah dijemput untuk terlibat secara aktif di dalam pelbagai topik perbincangan, perkongsian kepakaran dan maklumat berkenaan langkah-langkah mengawal penularan COVID-19.
 - 4.5 Di peringkat bilateral pula, KKM terus memperkuuhkan platform kerjasama dua hala sedia ada bersama negara-negara lain semasa penularan wabak COVID-19, antaranya ialah Jawatankuasa Kerja Mengenai COVID-19 di antara Malaysia-Singapura.

SOALAN NO : 5

- 4.6 Lawatan pasukan pakar perubatan Republik Rakyat China ke Malaysia pada 18 April hingga 3 Mei 2020, juga merupakan salah satu lagi contoh kerjasama dua hala antara Malaysia dan negara lain.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada 21 April 2020, tiga (3) Kementerian iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), KKM dan Kementerian Luar Negeri (KLN) telah bersetuju untuk bekerjasama bagi menjadikan Malaysia antara negara terawal mendapat akses kepada vaksin COVID-19. Kolaborasi tiga (3) Kementerian ini dibentuk bagi mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama strategik melibatkan badan-badan antarabangsa, agensi dan syarikat tempatan bagi membolehkan Malaysia memperolehi kemudahan untuk pembangunan vaksin dan perubatan mencegah COVID-19.

6. KKM akan terus memberikan komitmen dalam memastikan Malaysia mendapat manfaat kerjasama antarabangsa melalui pelbagai platform termasuk mesyuarat dua hala di antara KKM dengan Kedutaan di negara ini.

Sekian, terima kasih.